

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD
(MERSING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2018

Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD [MERSING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan syarikat seperti Google dan Facebook membayar cukai kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengenaan cukai ke atas semua aktiviti perniagaan adalah berdasarkan prinsip kesaksamaan. Ini bermakna, tidak ada perbezaan dalam layanan cukai ke atas perniagaan yang dijalankan secara atas talian atau pun secara konvensional. Menurut seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967, pendapatan suatu perniagaan layak dikenakan cukai pendapatan